

06/09/1998

Umno Pulau Pinang mesyuarat

BUKIT MERTA JAM: Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang akan bermesyuarat petang ini untuk membincangkan keadaan perkembangan politik semasa berikutan pemecatan ketua mereka, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan ketua badan itu, Datuk Mohd Shariff Omar, berkata mesyuarat itu akan dihadiri semua ketua bahagian di Menara Umno, Jalan MacAlister, pada jam 3 petang ini.

Semua ketua bahagian, kecuali Permatang Pauh dan Kepala Batas dijangka menghadiri mesyuarat itu.

Shariff dijangka memberi penerangan mengenai perkembangan terbaru membabitkan Umno Pulau Pinang dan tindakan Majlis Tertinggi memecat Anwar, tiga hari lalu.

Difahamkan, mesyuarat itu juga sebulat suara akan menyatakan sokongan dan kerjasama kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berikutan tindakan Majlis Tertinggi Umno memecat keahlian Anwar dalam parti itu.

Mesyuarat itu yang akan dipengerusikan Shariff juga dijangka membincangkan kekosongan jawatan Ketua Badan Perhubungan Umno.

Semalam, Shariff berkata jawatan itu adalah prerogatif Dr Mahathir sebagai Presiden parti dan tidak boleh dipersoalkan mana-mana pihak.

Sementara itu, di sekitar Bukit Mertajam diedarkan risalah kononnya Anwar akan mengadakan taklimat mengenai pemecatannya daripada kerajaan dan parti di rumah keluarganya di CheroK Tok Kun, pada jam 5 petang semalam.

(END)